☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 11/4/2012
Hari: Ahad M/S: 2
Ruangan: Sambutan Agong

teratas agenda urusan baginda sebagai tanda kasih baginda kepada rakyat sekali gus menjadikan baginda sangat disayangi dan disanjungi rakyat.

Baginda amat mengambil berat dalam hal ehwal agama malah dalam kebanyakan titah baginda, Tuanku sering menyeru agama Islam sentiasa menaungi kehidupan rakyat baginda.

Tuanku Abdul Halim juga sentiasa mahu semua rakyat di negara ini memperkukuhkan perpaduan serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menjejas atau menggugat kedaulatan negara.

Tuanku Abdul Halim bertemu jodoh dengan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun pada 25 Disember 1975 dan dianugerah gelaran Sultanah Kedah pada 9 Januari 2004, dalam satu istiadat di Istana Anak Bukit, Alor Setar selepas kemangkatan Sultanah Bahiyah.

Tuanku Haminah yang diputerikan pada 15 Julai 1953, di Bagan Serai, Perak Darul Ridzuan adalah anak kelima daripada tujuh beradik.

Raja Permaisuri menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Matang Jelutong, Bagan Serai, Perak sebelum ke Sekolah Menengah Bagan Serai dan aktif dalam bidang sukan termasuk skuasy, golf, tenis dan badminton serta meminati muzik.

Antara hobi Tuanku Abdul Halim ialah fotografi dan mengumpul burung eksotik di istana baginda, membaca, bersukan dan muzik.

Sesungguhnya hari ini adalah sangat bersejarah kepada rakyat negara ini, selepas lima dekad kesinambungan sistem pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini tidak boleh dipisahkan lagi daripada identiti Malaysia sebagai negara berdaulat.

Seluruh rakyat Malaysia menjunjung kasih di atas pertabalan baginda sebagai ketua negara bagi semua rakyat tanpa mengira keturunan, agama, darjat dan fahaman politik.

Daulat Tuanku!